

PANDUAN PERMOHONAN KEMPEN JUALAN NASIONAL

1. Semua aktiviti jualan murah yang melebihi tiga (3) hari perlu menghantar permohonan notis jualan murah di Sistem Notis Jualan Murah (NJM). Jualan murah kurang daripada tiga (3) hari tidak perlu memohon notis jualan murah. Namun begitu, pemohon masih tertakluk kepada perundangan yang berkuatkuasa di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN).

2. Sistem Notis Jualan Murah (NJM) telah menambah kategori jualan baharu bagi Kempen Jualan Nasional mulai tahun 2024 hingga tahun 2026 seperti berikut:

<i>Malaysia Super Sale</i> (Jualan Hebat Malaysia)	: 1 - 31 Mac 2025 : 1 - 31 Mac 2026
<i>Malaysia Mega Sale Carnival</i> (Karnival Jualan Mega Malaysia)	: 15 Jun - 31 Julai 2024 : 15 Jun - 31 Julai 2025 : 15 Jun - 31 Julai 2026
<i>Malaysia Year End Sale</i> (Jualan Akhir Tahun)	: 15 Nov - 31 Dis 2024 : 15 Nov - 31 Dis 2025 : 15 Nov - 31 Dis 2026

3. Pemohon hendaklah memastikan pilihan kategori jualan yang tepat bagi tarikh jualan murah yang akan diadakan.

4. Pemohon hendaklah memilih tarikh yang tidak bertindan dengan tarikh yang telah ditetapkan di dalam kategori jualan yang sedia ada.

5. Sekiranya tarikh (*tarikh mula atau tarikh tamat jualan murah*) yang dipilih berada dalam tempoh sebelum atau selepas pelaksanaan kategori jualan nasional (*Malaysia Super Sale, Malaysia Mega Sale Carnival dan Malaysia Year End Sale*), Sistem Notis Jualan Murah (NJM) akan menolak permohonan tersebut.

6. Pemohon hendaklah menjarakkan satu (1) hari bagi peralihan tarikh dari satu kategori jualan kepada kategori jualan yang lain. Sebagai contoh:

Tarikh Jualan asal	: 1 Jun - 13 Jun	(kategori jualan bagi tarikh ini adalah "Cheap Sale 2024")
Jarak 1 hari	: 14 Jun	(1 day gap - peralihan dari kategori jualan biasa kepada kategori jualan nasional - tiada aktiviti jualan murah pada tarikh ini)
Tarikh jualan baru	: 15 Jun - 22 Jun	(kategori jualan adalah Malaysia Mega Sale Carnival)

7. Pemohon **boleh mengadakan lebih daripada satu (1) kali jualan murah dalam tempoh pelaksanaan kategori jualan nasional SAHAJA**. Setiap jualan murah perlu memohon notis jualan murah. Sebagai contoh:

Syarikat A mempunyai 3 cawangan. Syarikat A ingin menyertai Malaysia Mega Sale Carnival (Karnival Jualan Mega Malaysia). Jualan murah yang akan diadakan adalah seperti berikut:

BIL	CAWANGAN	TARIKH JUALAN MURAH		
1	Cawangan Perak	15 Jun - 30 Jun	5 Julai - 12 Julai	19 Julai - 31 Julai
2	Cawangan Selangor	15 Jun - 31 Julai		
3	Cawangan Negeri Sembilan	15 Jun - 30 Jun	5 Julai - 20 Julai	

8. Berikut adalah contoh situasi bagi pemilihan kategori jualan iaitu Cheap Sale, *Malaysia Super Sale, Malaysia Mega Sale Carnival dan Malaysia Year End Sale*:

TARIKH	KATEGORI JUALAN
1 Jan - 31 Jan	Cheap Sale
3 Mac - 29 Mac	Malaysia Super Sale
16 Jun - 20 Jun	Malaysia Mega Sale Carnival
30 November - 30 Disember	Malaysia Year End Sale